

»Jika anda berada di sekitar kawasan Cherating, Beserah, Kg Balok, Semambu, Indera Mahkota, Sg Lembing, Panching, Tanjung Lumpur, Peramu, Cenderawasih, Kempadang, Galing, Jaya Gading, Gambang, Permatang Badak, Sg Isap, Penor, Sg Karang, Bukit Goh, Kg Paya Bunga, Lepar, Sg Sol dan Bkt Sagu hubungi Skwad Cakna kami untuk mengaktifkan komuniti anda.

# Karnival Jualan PASDEC 2007 libatkan golongan OKU

Usaha tersebut harus dipuji dan dihargai kerana ia dapat menggalakkan syarikat-syarikat lain melaksanakan tanggungjawab sosial

■ SYUKURI ZAKARIA

**KUANTAN** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Berserah, Datuk Faisal Abdullah telah merasmikan Karnival Jualan PASDEC 2007 yang bertemakan Ke Arah Masyarakat Prihatin dan Penyayang di Atrium II, Kuantan Parade, di sini, semalam.

Karnival yang berlangsung selama empat hari bermula pada 9 Disember dan berakhir pada 12 Disember tahun ini adalah anjuran ber-



Datuk Faisal melepaskan belon sebagai gimik perasmian Karnival Jualan PASDEC 2007.

sama PASDEC dan Pusat Penjagaan Kanak-kanak Terencat Akal Kuantan.

Faisal dalam ucap-

annya berkata, usaha bersama yang dilakukan itu harus dipuji dan dihargai kerana ia dapat meng-

galakkan syarikat-syarikat lain melaksanakan tanggungjawab sosial mereka terhadap golongan

yang memerlukan.

Katanya lagi, melalui program seumpama ini, semangat muhibah yang sedia ada dapat dipupuk agar dapat menjamin keharmonian hubungan yang sedia ada serta merapatkan lagi hubungan antara kedua-dua pihak.

Tambahnya, karnival seperti ini perlu diteruskan dan diperbanyakkan lagi kerana ia dilihat mampu mendorong syarikat-syarikat lain untuk turut serta dalam program kebajikan dan kemasyarakatan.

"PASDEC merupakan sebuah syarikat pemaju yang telah mencapai kejayaan di dalam bidang perumahan sehingga tersenarai dalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BISKU) dan akan terus



berkembang pada masa akan datang.

"Kojayaan tersebut harus dijadikan pendorong untuk terus membantu golongan yang kurang bernasib baik sebagai tanda keprihatinan PASDEC terhadap insan yang kurang bernasib baik," ujarnya.

Majlis perasmian karnival berkenaan diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma oleh Datuk Faisal kepada beberapa buah badan kebajikan sekitar Kuantan sebelum beliau bersama tetamu yang lain melawat gerai-gerai pameran yang terdapat di situ.